

# Personaliti Pilihan



Abdul Haqi bin Ibrahim, dilahirkan pada 20 April 1981 di Kadok, Kelantan. Anak ketiga dari enam orang adik beradik ini merupakan anak bekas pensyarah di Institut Tahfiz Al-Quran, Kuala Kubu Baru. Kini keluarganya menetap di Besut, Terengganu. Mendirikan rumah tangga dengan Ayu Wazira Azhari yang juga merupakan pensyarah di PPKAS pada tanggal 9 November 2007. Meminati sukan ragbi dan merupakan salah seorang pemain ragbi negeri Perlis sebagai pemain sayap dan muncul sebagai Johan Piala Presiden pada tahun 2008. Ikuti temubual antara beliau dengan Buletin Environ (BE)

**BE : Boleh ceritakan serba sedikit tentang latar belakang pendidikan saudara ?**

Saya mendapat didikan awal di Sek. Keb. Taman Tun Dr. Ismail. Kemudian meneruskan pendidikan menengah di Sekolah Alam Shah, Cheras. Pada tahun 1999, saya berada di Matrikulasi, USM. Saya seterusnya melanjutkan pelajaran pada peringkat ijazah dan sarjana di USM dalam bidang B.Eng (Mineral Resources) pada 2000-2004 dan M.Sc (Environmental Engineering) pada 2004-2005.

**BE : Pekerjaan sebelum memulakan kerjaya di UniMAP ?**

Selepas menamatkan pelajaran, saya menjadi pensyarah di Fakulti Kejuruteraan Awam, UiTM Pulau Pinang pada 2005 selama setahun dan mengajar subjek Kejuruteraan Geomatik serta Geologi. Kemudian, berpindah ke PPKAS, UniMAP sebagai pensyarah pada 3 Julai 2006. Dilantik menjadi Pengerusi Rancangan (Kejuruteraan Alam Sekitar) di PPKAS pada 1 Mac 2007.

**BE : Penyelidikan yang dilakukan dan kejayaan yang pernah diperolehi.**

Penyelidikan saya dan rakan dari PPK Mekatronik yang bertajuk 'Oil Contamination Detection System' (OCDS), di ITEX pada Mei 2007 telah berjaya memperolehi pingat gangsa. Seterusnya pada Ogos 2007, saya juga memperolehi pingat gangsa di PECPITA dengan tajuk, 'Remote Oil Spillage Monitoring System'. Pada tahun 2008 pula, penyelidikan saya yang bertajuk 'Concrete Sludge Brick' berjaya mendapat pingat perak di ITEX. Selain menghasilkan produk penyelidikan, saya juga melakukan penyelidikan fundamental yang bertajuk 'Modelling of Vertical Profile of PM<sub>10</sub> and PM<sub>2.5</sub> in Perlis' untuk geran FRGS.

**BE : Apakah strategi saudara untuk memikat hati pelajar supaya lebih bersemangat untuk belajar ?**

Bagi saya, ikhlas dalam menyampaikan ilmu adalah perkara yang paling penting perlu ada dalam diri setiap pendidik. Sentiasa meluangkan masa untuk pelajar bertanya walaupun di luar kuliah. Mengambil berat tentang kebajikan pelajar agar mereka merasa kita mengambil berat tentang diri mereka. Akhir sekali, hendaklah sentiasa mendoakan kejayaan pelajar.

Saya berharap agar setiap pelajar PPKAS berjaya menggenggam segulung ijazah dengan keputusan yang cemerlang selepas empat tahun di PPKAS. Semoga mereka menjadi seorang insan yang berilmu dan berakhhlak mulia dan sentiasa berbakti kepada masyarakat. Sentiasalah menjaga nama baik universiti dan juga PPKAS.

**BE : Apakah harapan dan rancangan saudara terhadap PPKAS ?**

Saya amat berbangga dan gembira dengan pencapaian para pensyarah dan pelajar PPKAS. Bukan sahaja pencapaian dari segi penyelidikan dan akademik, malahan pencapaian dari segi kerjasama dan kerja berpasukan yang telah ditunjukkan. Semoga kecemerlangan ini dapat teruskan dimasa-masa hadapan. InsyaAllah sebagai salah seorang warga PPKAS saya akan berusaha sedaya yang mungkin dalam mencapai matlamat kecemerlangan pusat pengajian.

**BE : Prinsip hidup**

Niat yang baik serta ikhlas dalam melakukan setiap perkara.

**Be : Terima kasih kerana saudara sudi meluangkan masa BE. Sama-sama.**